

VALZAAR H TABLETS

Valsartan dan Hydrochlorothiazide (160mg+12.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VALZAAR H.
2. Bagaimana VALZAAR H berfungsi.
3. Sebelum menggunakan VALZAAR H.
4. Cara menggunakan VALZAAR H.
5. Semasa menggunakan VALZAAR H.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VALZAAR H.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan VALZAAR H

VALZAAR H adalah ubat yang dipreskripsi kepada orang dewasa untuk menurunkan tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana VALZAAR H berfungsi

VALZAAR H tergolong dalam kelas ubat untuk mengawal tekanan darah tinggi. VALZAAR H berfungsi dengan menghalang kesan *angiotensin II* dalam badan yang menyebabkan peningkatan pada tekanan darah. Kesan pengambilan VALZAAR H, merehatkan saluran darah dan menurunkan tekanan darah.

Sebelum menggunakan VALZAAR H

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan VALZAAR H:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada *valsartan* atau *hydrochlorothiazide* atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini.
- Jika anda mempunyai penyakit hati yang teruk.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan menggunakan VALZAAR H jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jika anda didapati mengandung semasa menggunakan VALZAAR H, berhenti menggunakannya secara serta merta dan hubungi doktor anda.

Jangan menggunakan VALZAAR H jika anda merupakan seorang ibu yang menyusukan bayi. Sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil sebarang ubat-ubatan.

- Sebelum menggunakan VALZAAR H

Anda hendaklah berhati-hati dan sila berbincang dengan doktor anda sebelum menggunakan VALZAAR H jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- Jika anda mempunyai penyakit hati.
- Jika anda mempunyai penyakit buah pinggang yang serius atau sedang menjalani dialysis.
- Jika anda mengalami saluran darah buah pinggang yang menipis.
- Jika anda telah menjalani pemindahan buah pinggang (menerima buah pinggang baru) baru-baru ini.
- Jika anda telah dirawat selepas serangan jantung atau kegagalan jantung. Doktor anda harus memeriksa fungsi buah pinggang anda.
- Jika anda mempunyai penyakit autoimun (sistem imun menyerang sel dan tisu sihat dalam badan), bengkak atau edema, penyakit jantung yang serius.
- Jika anda mengalami peningkatan tekanan di antara anak mata (glaukoma).
- Jika anda kehilangan air dalam badan (dehidrasi), disebabkan oleh cirit-birit, muntah, atau ambil dos pil air yang tinggi (diuretik).
- Pengambilan VALZAAR H untuk budak-budak dan remaja di bawah umur 18 tahun adalah tidak disarankan.
- Jika anda mengalami masalah pernafasan atau paru-paru (termasuk keradangan atau cecair di dalam paru-paru) selepas pengambilan *hydrochlorothiazide* pada masa lalu. Jika anda mengalami sebarang sesak nafas yang teruk atau kesukaran bernafas selepas mengambil VALZAAR H, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

Sila maklumkan kepada penyedia penjagaan kesihatan anda sebelum mengambil VALZAAR H jika anda pernah mempunyai kanser kulit atau jika anda mengalami lesi kulit yang tidak dijangka semasa rawatan. Rawatan dengan *hydrochlorothiazide*, terutamanya penggunaan jangka panjang dengan dos yang tinggi, boleh meningkatkan risiko beberapa jenis kanser kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma). Lindungi kulit anda

daripada pendedahan cahaya matahari dan sinaran UV semasa mengambil VALZAAR H.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Kesan rawatan dengan VALZAAR H mungkin dipengaruhi sekiranya diambil bersama ubat lain. Pelarasan dos mungkin harus dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga, atau dalam kes tertentu, berhenti mengambil ubat tersebut. Pelarasan dos adalah untuk kedua-dua preskripsi dan ubat bukan preskripsi ubat, terutamanya:

- Ubat yang meningkatkan kadar *potassium* dalam darah anda. Ini termasuklah makanan tambahan *potassium* atau pengganti garam yang mengandungi *potassium*, ubat menyingkirkan *potassium* dan heparin (ubat cair darah).
- Sesetengah jenis ubat tahan sakit dikenali sebagai *nonsteroidal anti-inflammatory medicines* (NSAIDs).
- *Lithium*, ubat yang digunakan untuk sesetengah jenis penyakit psikiatrik.
- *Aliskiren*, ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.
- *Rifampin* dan *amphotericin* (ubat untuk merawat jangkitan).
- *Ciclosporin*.
- *Allopurinol*, ubat digunakan untuk merawat merawat asid urik yang berlebihan dalam darah.
- Ubat antikanser seperti *cyclophosphamide* dan *methotrexate*.
- *Thiazide*, ubat untuk merehatkan otot.
- Agen anti-diabetik – boleh mempengaruhi tahap *glucose*.
- *Amantadine*.
- *Atropine, biperin*.
- *Vitamin D*.
- *Calcium salt*.
- *Diazoxide*.
- *Methyldopa*.
- *Alcohol, barbiturate* atau *narcotics*.
- *Pressor amines*.

Ubat-ubatan yang akan mempengaruhi

VALZAAR H TABLETS

Valsartan dan Hydrochlorothiazide (160mg+12.5mg)

paras serum *potassium* seperti *corticosteroids, amphotericin, carbenoxolone* dan *penicillin G*.

Cara menggunakan VALZAAR H

- Berapa banyak harus digunakan

- Dos yang disyorkan ialah 1 tablet diambil setiap hari.
- Sentiasa mengambil VALZAAR H seperti yang telah diberitahu oleh doktor anda untuk mendapatkan

hasil yang terbaik dan mengurangkan risiko kesan sampingan.

- Anda perlu memeriksa dengan doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak pasti.
- Orang yang mempunyai tekanan darah tinggi sering tidak perasan mengenai simptom-simptom masalah ini. Kebanyakan orang mungkin berasa agak normal. Ini menjadikan ia lebih penting untuk anda menghadiri temu janji dengan doktor walaupun anda berasa sihat.

- Bila perlu digunakan

- Anda boleh mengambil VALZAAR H tanpa atau dengan makanan.
- Ambil VALZAAR H pada masa yang sama pada setiap hari. Pastikan anda mempunyai masa tidur sekurang-kurangnya 7-8 jam selepas mengambil ubat ini.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda mengenai tempoh masa untuk anda menggunakan ubat ini. Jangan memulakan atau menghentikan rawatan tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu. Memberhentikan rawatan anda dengan VALZAAR H boleh menyebabkan penyakit anda menjadi lebih teruk. Jangan berhenti mengambil ubat anda melainkan jika diberitahu oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan VALZAAR H.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil

dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil ubat ini dengan terlalu banyak. Sila berbuat demikian walaupun tiada sebarang tanda

ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Jika anda mengalami pening yang teruk dan / atau pingsan, segera berbaring dan hubungi doktor anda dengan segera.

Semasa menggunakan VALZAAR H

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan pegawai farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan VALZAAR H.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil apa-apa ubat-ubatan baru tanpa berunding dengan doktor anda.
- Jangan berikan VALZAAR H kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, VALZAAR H boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya

Sangat Biasa:

- *Hypokalaemia* (tahap *potassium* dalam darah rendah).
- Kandungan lemak dalam darah meningkat (terutamanya pada dos yang tinggi).

Biasa:

- *Hyponatraemia* (tahap *sodium* dalam darah rendah).
- *Hypomagnesaemia* (tahap *magnesium* dalam darah rendah).
- *Hyperuricaemia* (kandungan asid urik dalam darah berlebihan).
- *Postural hypotension* (terjadi apabila tekanan darah menurun apabila seseorang itu berdiri secara tiba-tiba daripada posisi baring atau duduk).
- Tiada selera makan.
- Mual.
- Muntah.
- *Urticaria* (ruam timbul pada kulit yang gatal) dan ruam yang lain.
- Mati pucuk.

Frekuensi 'tidak diketahui':

- Efusi koroid: pembentukan cecair yang tidak normal dalam mata anda yang boleh mengakibatkan perubahan penglihatan;
- Miopia akut: rabun dekat secara tiba-tiba atau penglihatan kabur;
- Glaukoma sudut tertutup akut: peningkatan tekanan yang cepat pada mata anda, sakit mata. Jika tidak dirawat, ia boleh menyebabkan kehilangan penglihatan kekal.

Frekuensi tidak diketahui:

- Kanser kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma).

Sangat jarang

- Kesusahan pernafasan akut (tanda termasuk sesak nafas yang teruk, demam, kelemahan dan kekeliruan)

Jika apa-apa kesan sampingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

VALZAAR H TABLETS

Valsartan dan Hydrochlorothiazide (160mg+12.5mg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan VALZAAR H

- Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk ahli farmasi anda mengenai

cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet dwicembung, berbentuk bujur, bersalut filem, berwarna merah jambu, berukir "1072" pada satu belah dan datar pada sebelah lagi.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Valsartan.
- Hydrochlorothiazide

Bahan-bahan tidak aktif:

- Lactose Monohydrate DCL-11.
- Croscarmellose Sodium.
- Povidone (K-30).
- Purified Water.
- Magnesium Stearate.
- Talc.
- Hypromellose 2910 (6cps).
- Titanium Dioxide.
- Polyethylene Glycol 400.
- Ferric Oxide Red.
- Isopropyl Alcohol.
- Methylene Chloride.

-Nombor MAL:

MAL17107011AZ

Pengilang

TORRENT PHARMACEUTICALS LTD.

Indrad 382 721, District: Mehsana INDIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Laboratories Torrent (Malaysia) Sdn Bhd.

Suite E-08-08 Plaza Mont Kiara No. 2
Jalan Kiara Mont Kiara 50480 Kuala Lumpur
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

03/07/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/2)241007/1353

VALZAAR H TABLETS

Valsartan dan Hydrochlorothiazide (160mg+12.5mg)

VALZAAR H TABLETS

Valsartan dan Hydrochlorothiazide (160mg+12.5mg)
